

**TEKANAN KERJA DI KALANGAN GURU MATA PELAJARAN ELEKTIF  
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK : SATU KAJIAN KES**

**RUS AYUNITA BINTI JUSOH**

Kajian Kes ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2001

## DEDIKASI

Bingkisan Ilmu Ini Istimewa Untuk .....

*Bonda Tercinta....Meriam bt Jaafar ,*

*Ahli Keluarga Yang Dikasihi.*

*Doakan Anakanda Dalam Perjuangan*

*Jasa Dan Sokongan Yang Diberi Tidak Terbalas*

*Terima Kasih Atas Segalanya.*

*Tidak Lupa Buat Suami Tersayang....Mohamad Jamadi b. Atan ,*

*Budi Dan Pengorbanamu Mengiringi Perjuangan Ini*

*Kasih Sayangmu Tiada Penghujungnya.*

*Teman-Teman Seperjuangan Yang Dihormati,*

*Sokongan Dan Persahabatan Yang Terbina*

*Terpahat Dalam Ingatan Dan Semoga Kekal Selamanya.*



## PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih*

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang . Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya maka terhasillah kertas kajian ini.

Penulis ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kajian kes, Pn. Yusmarwati bt. Yusof di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat , galakan , serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada penilai En Kamaruddin yang telah memberikan saranan , cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kertas kajian ini.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan untuk para responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh,juga kepada rakan yang terbabit semasa proses mengedarkan borang selidik terutama kepada Pn Zakiah .

Tidak dilupakan juga kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan , sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh ALLAH S.W.T .

Terima Kasih dan Wassalam.

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau tahap tekanan kerja di kalangan guru mata pelajaran elektif di sekolah menengah teknik. Pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ialah berkaitan dengan tekanan kerja, iaitu dari aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal sekolah. Tahap tekanan kerja guru bagi setiap aspek dan hubungannya dengan ketiga-tiga pembolehubah adalah menjadi fokus utama dalam kajian ini. Seramai 68 responden yang dipilih secara rawak mudah daripada Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor dan sekolah Menengah Teknik Bachok, Kelantan telah diberi borang soal selidik. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical package for Social Sciences (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan kerja keseluruhan di kalangan guru menengah teknik adalah sederhana. Dapatan kajian menunjukkan guru menghadapi tekanan kerja yang sederhana dari aspek pengajaran dan pembelajaran apabila mereka berusaha meningkatkan prestasi akademik pelajar dan diikuti oleh aspek organisasi. Sementara aspek persekitaran fizikal sekolah pula menunjukkan bahawa tekanan kerja yang dihadapi oleh guru adalah rendah. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru menghadapi petanda tekanan. Petanda tekanan kerja yang tinggi dihadapi oleh guru-guru ialah mudah marah, diikuti oleh sakit kepala dan malas bekerja. Dapatan kajian seterusnya ialah tentang perbandingan tekanan kerja antara guru lelaki dan perempuan yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi ketiga-tiga aspek, iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal sekolah. Kesimpulannya, terdapat tekanan kerja yang sederhana di kalangan guru sekolah menengah teknik bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the level stress of work among teachers who taught elective subjects in technical school. Three variables that related to work stress were studied, which are teaching and learning process, organisation prospects and the physical environment of school . The main focus of this study is to find out level stress of each aspects and the relations between this three variables. 68 respondents were randomly selected from Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor and Sekolah Menengah Teknik Bachok, Kelantan as a sample. A set of questionnaire were given to this respondent to collect the data. The data collected was analysed by using Statistical Package for the Sosial Science (SPSS). Findings indicated that the overall work stress of the secondary school teachers were moderate. From the teaching and learning process, it was found that teachers experienced work stress when they have increase of students academic performance and following by organisation prospects. Findings indicated from physical environment of school showed that the level of work stress among teachers were low. Further findings also indicated that teacher showed symptoms of work stress. The symptom of stress among teachers were easily angered followed by headache and lazy to work. Comparative analysis between female and male teachers on their work stress were found to be of no significant differences for all the three aspects (teaching and learning, organisation and physical environment of schools). From this finding, it can be concluded that the level stress of work among teachers in technical school who taught elective subjects indicated in this three aspects are in moderate level.

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
HALAMAN PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

### BAB 1            PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.4.1 Objektif Khusus	8
1.5 Soalan Kajian	9

1.6	Kerangka Teori	10
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Definisi Operational	13
1.9.1	Tekanan Kerja Guru	13
1.9.2	Mata Pelajaran Elektif	14
1.9.3	Pengajaran dan Pembelajaran	14
1.9.4	Petanda-petanda Tekanan	15

## BAB 2 SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Ketegangan	17
2.3	Kajian Tekanan Kerja Guru	18
2.4	Tekanan Desakan Luaran Dengan Desakan Dalaman	19
2.5	Tekanan Desakan Luaran Dengan Sumber-Sumber Dalaman Kekangan-kekangan	20
2.6	Tekanan Sebagai Proses Psikologi	21
2.7	Kajian yang Lepas Tentang Faktor Demografi dalam Tekanan Kerja Guru	22
2.7.1	Umur	22
2.7.2	Jantina	23
2.7.3	Pengalaman Mengajar	24
2.7.4	Kelayakan akademik	25
2.7.5	Lokasi sekolah	25
2.8	Punca-punca tekanan	26
2.8.1	Pelajar	26
2.8.2	Kekangan masa	28

2.8.3	Iklim sekolah	29
2.8.4	Kurikulum	30
2.8.5	Organisasi	31
2.8.6	Persekutaran Tempat Kerja	31
2.8.7	Bebanan Tugas	33

### **BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk kajian	36
3.3	Populasi kajian	37
3.4	Sampel kajian	38
3.5	Kaedah Persampelan	39
3.6	Pembolehubah Bersandar	39
3.7	Pembolehubah Tidak Bersandar	40
3.8	Instrumentasi	40
3.9	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik	43
3.10	Pengumpulan data	44
3.11	Kaedah Penganalisisan data	45
3.12	Kajian Rintis	45
3.13	Batas kajian	46

**BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	47
4.1	Ciri-ciri Demografik Responden	48
4.1.1	Jantina	48
4.1.2	Umur	48
4.1.3	Kaum	49
4.1.4	Kelayakan akademik	51
4.1.5	Tempoh Perkhidmatan	52
4.1.6	Jumlah waktu Pengajaran	53
4.1.7	Jumlah mata Pelajaran Yang Diajar	54
4.2	Tahap Tekanan Kerja Dari Aspek Pengajaran dan Pembelajaran	54
4.2.1	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan dari aspek Pengajaran dan Pembelajaran	57
4.3	Tahap Tekanan Kerja dari Aspek Organisasi	58
4.3.1	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan dari aspek Organisasi	60
4.4	Tahap Tekanan Kerja Dari aspek Persekutaran Fizikal Sekolah	61
4.4.1	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan Dari aspek Persekutaran Fizikal Sekolah	63
4.5	Petanda-petanda Tekanan Kerja	64
4.6	Hubungan tahap tekanan kerja dengan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal di kalangan guru	66
4.7	Hubungan antara kewujudan aspek petanda-petanda tekanan dengan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal di kalangan guru	68

4.8	Perbezaan tekanan antara lelaki dan perempuan dari aspek organisasi, pengajaran dan pembelajaran dan persekitaran fizikal sekolah	69
-----	---	----

## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan dan perbincangan	73
5.3	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan	73
5.3.1	Aspek Pengajaran dan pembelajaran	74
5.3.2	Aspek organisasi	74
5.3.3	Aspek Persekutuan fizikal sekolah	75
5.3.4	Petanda-petanda tekanan	75
5.3.5	Hubungan antara aspek organisasi dan pengajaran dan pembelajaran	76
5.3.6	Hubungan antara aspek persekitaran fizikal sekolah dengan aspek pengajaran dan pembelajaran	76
5.3.7	Hubungan antara petanda-petanda tekanan dengan Aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, organisasi dan persekitaran fizikal sekolah	77
5.3.8	Perbezaan Tekanan Antara Lelaki dan Perempuan dari aspek Organisasi, Pengajaran dan Pembelajaran dan Persekutuan Fizikal Sekolah	77
5.4	Cadangan	78
5.4.1	Penambahan nisbah bilangan guru	78
5.4.2	Mengkaji faktor-faktor yang berkaitan sebelum program dilaksanakan	79

5.4.3	Penekanan terhadap corak kepimpinan	80
5.5	Cadangan kajian lanjutan.	80
5.5.1	Populasi yang besar	80
5.5.2	Pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar	81
5.5.3	Kaedah temubual dan pemerhatian	81
5.6	Penutup	82
RUJUKAN		83
LAMPIRAN		89



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Paras Kebisingan Tentang Sebahagian Dari Sumber-sumber Kebisingan	32
Jadual 4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	48
Jadual 4.2	Taburan responden Berdasarkan Umur	49
Jadual 4.3	Taburan Responden Berdasarkan Kaum	50
Jadual 4.4	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	51
Jadual 4.5	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	52
Jadual 4.6	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Waktu Pengajaran	53
Jadual 4.7	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Mata Pelajaran yang Diajar	54
Jadual 4.8	Tahap Tekanan Kerja dari aspek Pengajaran dan Pembelajaran	55
Jadual 4.9	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan dari Aspek Pengajaran dan Pembelajaran	57
Jadual 4.10	Tahap Tekanan Kerja dari Aspek Organisasi	59
Jadual 4.11	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan dari Aspek Organisasi	61
Jadual 4.12	Tahap Tekanan Kerja dari Aspek Persekutaran	

	Fizikal Tempat Kerja	62
Jadual 4.13	Tahap Tekanan Kerja Keseluruhan dari Aspek Persekutaran Fizikal Sekolah	64
Jadual 4.14	Frekuensi Petanda-petanda Tekanan Kerja Guru	65
Jadual 4.15	Korelasi Antara aspek Tekanan Organisasi dengan aspek Tekanan Pengajaran dan Pembelajaran	66
Jadual 4.16	Korelasi Antara Aspek Tekanan Organisasi Dengan Aspek Tekanan Persekutaran Fizikal Sekolah	68
Jadual 4.17	Hubungan Antara Kewujudan Aspek Petanda-petanda Tekanan Dengan Aspek-aspek Tekanan Pengajaran dan Pembelajaran, Organisasi dan Persekutaran Fizikal Sekolah	69
Jadual 4.18	Perbandingan Min Antara Lelaki dan Perempuan dari Aspek-aspek Tekanan Organisasi, Tekanan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tekanan Persekutaran Fizikal Sekolah	70
Jadual 4.19	Keputusan Ujian-t	70

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Teori Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Mata Pelajaran Elektif Di Sekolah Menengah Akademik.	10
Rajah 4.1	Carta Pai Yang Menunjukkan Taburan Responden Mengikut kaum	50



PTT A UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK****MUKA SURAT**

A

Soalan Kajiselidik

89



**PTT AUTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

---

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

---



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Cabarannya besar bagi guru di sekolah menengah antaranya ialah membantu golongan remaja dengan berbagai tingkah laku dan corak pemikiran untuk menjadi insan yang berupaya memberi sumbangan terhadap kemajuan negara. Guru diharapkan dapat memasukkan nilai, mengajar pelbagai kemahiran berfikir dari peringkat asas hingga ke peringkat yang lebih tinggi, membina sikap berdikari dalam pembelajaran di kalangan pelajar bersama-sama mencapai matlamat umum pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara.

Guru ialah orang yang menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi yang bertugas dalam pentadbiran, organisasi dan penyeliaan pendidikan. Peranan guru adalah suatu perkara yang amat rumit dan guru mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan diri dan merasa senang dengan peranan sebagai pendidik. Ramai juga yang terus menamatkan perkhidmatan tanpa bertemu dengan peranan yang sesuai untuk mereka. Semasa

melaksanakan tugas di sekolah guru berhadapan dengan pelbagai situasi yang boleh menyebabkan dirinya rasa tertekan.

Menurut Kyriacou (1987), faktor yang dikenalpasti sebagai penekan utama adalah sikap pelajar itu sendiri. Sikap buruk pelajar terhadap kerja sekolah dan kurang bermotivasi merupakan isu paling menekan yang dihadapi guru sepanjang hari. Pelbagai beban guru sama ada secara langsung atau tidak seperti masalah disiplin pelajar, membuat kerja perkeranian yang diarahkan dari masa ke semasa, membuat perancangan pengajaran, memeriksa kerja kursus, penyelenggaraan makmal dan terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum. Sekolah jarang mendapat guru ganti sekiranya terdapat guru wanita cuti bersalin, cuti sakit dan mengikuti kursus. Kebiasaan tugas guru berkenaan diagihkan kepada guru lain oleh pihak pentadbir sekolah.

Beban kerja guru yang semakin bertambah juga mempengaruhi senario pendidikan hari ini. Pihak pentadbir sekolah meletakkan harapan yang tinggi terhadap kakitangan di bawahnya dalam menetapkan matlamat organisasi sekolah. Sistem Saran Baru (SSB) yang diperkenalkan di mana sasaran kerja tahunan masing-masing untuk mendapatkan kenaikan gaji menegak dan melintang berdasarkan laporan penilaian prestasi menjadi senjata untuk mencapai objektif individu, institusi dan sistem.

Mata pelajaran Elektif II Aliran Teknik dan Vokasional telah diperkenalkan di peringkat tingkatan empat. Di mana pelajar bebas memilih mata pelajaran elektif berdasarkan minat mereka. Pihak pentadbiran sekolah cuba untuk memenuhi setiap permintaan pelajar terhadap mata pelajaran elektif tersebut. Mata pelajaran Elektif II Aliran Teknik dan Vokasional ialah Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Perdagangan, Sains Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga, Reka Cipta, Teknologi Kejuruteraan dan Lukisan Kejuruteraan.

Keupayaan guru Elektif II Aliran Teknik dan Vokasional semakin mencabar dengan adanya permintaan yang tinggi terhadap Elektif II. Di samping itu pengisian tugas seperti menyelenggara makmal semakin meningkat dengan jumlah pelajar yang

menggunakan makmal semakin bertambah bilangannya. Tambahan pula makmal-makmal bagi pelajar Elektif II seperti makmal Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian, Lukisan Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan dan Reka Cipta tiada pembantu makmal bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Kalsom Ahmad (1997) mendapati faktor-faktor bercirikan pelajar, kekangan masa, suasana kerja dan hubungan antara staf adalah antara faktor yang menjadi punca tekanan utama guru Ekonomi Rumah Tangga.

Bagi Gmelch (1982), sama ada tekanan itu positif atau negatif reaksinya terhadap fisiologi seseorang adalah sama. Ini kerana tekanan menimbulkan kesan ke atas tubuh, mental dan fizikal. Situasi yang terbit dari peristiwa fizikal, persekitaran dan fisiologikal boleh memangkinkan tindakbalas organisma itu ke arah positif atau sebaliknya. Dalam kajian yang dilakukan oleh Zaid Abd. Aziz (1998) telah membuktikan faktor skim perkhidmatan, tuntutan luaran, pelajar, tuntutan masa dan iklim sekolah telah mendorong tekanan kepada responden kajian. Terbukti juga berlakunya simptom psikologi, fisiologi dan simptom fizikal di kalangan responden apabila mereka menghadapi tekanan kerja.

Seseorang yang menghadapi tekanan dan tidak dapat mengawalnya akan mewujudkan simptom atau tanda-tanda tekanan. Dari hasil dapatan kajian Fletcher & Payne (1982) mereka menjelaskan kekecewaan guru yang membuat persediaan mengajar sebelum masuk ke kelas dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk menyampaikan pelajaran sebaik mungkin. Pelajar yang tidak mengambil berat terhadap tugas yang diberikan sudah tentu mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu kajian ini cuba meninjau tahap tekanan kerja yang dialami dan faktor yang menjadi tekanan kerja kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Elektif II aliran Teknik dan Vokasional di tingkatan empat semasa melaksanakan tugas di sekolah. Selain daripada itu kajian ini juga cuba melihat empat faktor yang berkait secara langsung dengan guru di sekolah iaitu pelajar, kekangan masa, keadaan kerja dan hubungan antara staf.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kajian tentang tekanan kerja sehingga kini kebanyakannya dijalankan dalam organisasi industri. Misalnya, dalam organisasi perusahaan perabot, didapati bahawa punca tekanan ialah beban kerja dalam bentuk kualiti dan kuantiti yang semakin meningkat (Adilah Abd. Hamid, 1986). Kesannya ramai pekerja yang terasa letih, bosan dengan kerja, tiada motivasi, perasaan tidak puas hati dan susah hati atau tidak tenteram serta suka marah-marah.

Dalam bidang kemajuan kerjaya, tekanan kerja adalah menjadi kajian utama. Ini kerana tekanan kerja membawa kesan ekonomi yang jelas terhadap sesebuah organisasi. Menurut Matteson dan Ivancevich (1989) bahawa tekanan kerja akan menyebabkan ketidakpuasan kerja, pengurangan dalam kualiti dan kuantiti pengeluaran, kadar pusing ganti kerja yang tinggi, kecenderungan berlaku kemalangan, ketidakstabilan emosi dan terganggunya kesihatan para pekerja dalam organisasi tersebut.

Guru adalah elemen terpenting dalam pedagogi untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Kini, profesi perguruan sama ada di Amerika Syarikat, Eropah mahupun di Malaysia adalah satu profesi yang penuh dengan tekanan. Tekanan-tekanan itu akibat daripada beban tugas yang banyak (Otto, 1986: 111).

Kebanyakan guru mengalami tekanan beban kerja disebabkan wujudnya kekecewaan perhubungan dengan struktur pihak pentadbiran sekolah. Guru-guru memerlukan sokongan daripada pihak pentadbir dalam menjalankan tugas bagi menangani masalah pelajar yang kompleks. Pihak pentadbir merupakan perkara yang menyebabkan guru mengalami tekanan. Guru-guru mengalami tekanan daripada pihak pentadbir melalui berbagai-bagai cara, iaitu :

1. Tidak terlibat dalam proses kuasa membuat keputusan di sekolah
2. Kurang komunikasi dengan pihak pentadbir.

3. Pentadbir tidak menghargai guru yang melakukan tugas tambahan.
4. Pentadbir tidak cekap menangani masalah pelajar.
5. Pentadbir tidak memberi perhatian terhadap masalah guru-guru.

Justeru itu, tahap tekanan kerja keseluruhan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya sangat penting dikaji. Selain itu, tahap tekanan dari aspek pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan persekitaran fizikal tempat kerja juga akan dikaji. Keadaan ini menjadi fokus utama kerana suasana pentadbiran di Malaysia yang sering dikatakan berhadapan dengan tekanan lebih-lebih lagi guru adalah pihak yang melaksanakan dasar.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Cabarannya kepada pendidik hari ini ialah untuk melahirkan tenaga manusia yang mampu menghadapi perubahan dalam dunia pekerjaan dan boleh menghadapi cabaran masa hadapan khususnya ke arah wawasan 2020. Guru aliran Elektif Teknik dan Vokasional ini pula selain melaksanakan pelbagai tugas mengajar mereka juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai tugasan sampingan yang lain di mana berkait rapat dengan elektif mereka.

Di antara tugas-tugas yang dijalankan ialah seperti penyenggaraan bilik masakan dan jahitan, menyenggara alat-alat, membuat pemeriksaan stok dan pesanan bahan dan tugas ini dilakukan tanpa peruntukan waktu yang khas bagi penyelenggaraan makmal seperti mana Ketua Panitia Kemahiran Hidup yang memperolehi waktu khas bagi tujuan mengurus dan menyelenggara makmal yang diambil kira sebagai waktu mengajar sebanyak empat waktu seminggu seperti mana dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KP (PPK)018/4/Jld 3 (74) bertarikh 12 Februari 1998.

Dalam melaksanakan tanggungjawad ini juga guru terpaksa berhadapan dengan kes salah laku pelajar seperti ponteng, tidak bermotivasi untuk belajar, melanggar disiplin dan pelbagai tingkah laku anti sosial. Dengan beban kerja yang banyak, sesetengah guru adakalanya kecewa, ada guru yang tidak dapat menyesuaikan sesuatu gaya bekerja yang secocok dengan dirinya. Akibatnya ia merasa tekanan dalam pekerjaan dan tidak mendapat kepuasan bekerja.

Dasar kerajaan pada 1997 membenarkan kesemua calon Peperiksaan Menengah Rendah yang lulus walaupun kelulusan minima iaitu satu D layak naik ke tingkatan empat. Manakala arahan terbaru daripada Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan kesemua calon Peperiksaan Menengah Rendah 1998 Sekolah Menengah Kerajaan layak naik ke tingkatan empat pada sesi persekolahan 1999 merujuk kepada surat dari Kementerian Pendidikan Malaysia KP(BS/MEN)8510/03/008 bertarikh 30 Disember 1998.

Dasar kerajaan ini bukan sahaja merupakan satu cabaran dalam menangani masalah pelajar kepada pihak pentadbiran sekolah malahan mendatangkan implikasi jangka panjang kepada mata pelajaran Elektif II Aliran Teknik dan Vokasional . Memandangkan kebelakangan ini pihak pentadbiran kebanyakan sekolah menjadikan mata pelajaran Elektif II Aliran Teknik dan Vokasional sebagai jalan penyelesaian masalah menempatkan pelajar-pelajar yang hanya lulus setakat minima atau yang tidak lulus satu mata pelajaran pun di dalam Peperiksaan Menengah Rendah tetapi telah menamatkan persekolahan sekurang-kurangnya sebelas tahun. Kesan yang dapat dijangkakan ialah kemerosotan prestasi pelajar di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia kelak. Kalsom Ahmad (1997) hasil dapatan kajiannya menyatakan pelajar yang tidak bermotivasi memberi tekanan kepada guru.

Tekanan kerja berlaku di mana-mana peringkat organisasi tanpa mengira apa juarajawatan yang disandang. Fenomena ini juga berlaku di kalangan guru mata pelajaran Elektif II di mana menurut McLean (1974) adalah penting bagi setiap pekerja

mengenalpasti bentuk tekanan yang mungkin dihadapi serta cara mengatasinya supaya tidak mempengaruhi kerja mereka. Tekanan yang berhubung dengan pekerjaan sering menjadi fokus kajian. Memandangkan ia mempunyai implikasi ekonomi terhadap sesebuah organisasi, tekanan di dalam pekerjaan akan mewujudkan ketidakpuasan bekerja, pengurangan dalam kualiti dan kuantiti pengeluaran, kadar pusing ganti kerja yang tinggi, kecenderungan berlaku kemalangan, ketidakstabilan emosi dan terjejasnya kesihatan para pekerja dalam organisasi tersebut (Matteson dan Ivancevich, 1989 dan Dua, 1994).

Bebanan kerja guru yang semakin banyak, guru pula tidak mengamalkan teknik pengurusan masa dalam menjalankan tugas dan ini akan mewujudkan iklim sekolah yang negatif dalam meningkatkan keberkesanannya sekolah. Dapatan kajian Siti Fatimah Awang (1993) menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pengurusan masa dengan tahap ketegangan kerja.

McCormick dan Solman (1992) mendapati guru wanita lebih tertekan dengan kekangan masa dan faktor pelajar berbanding rakan sejawat mereka iaitu guru lelaki. Dengan adanya pemodenan dalam kehidupan masyarakat, jangkaan masyarakat terhadap guru adalah sangat tinggi. Guru hari ini sentiasa dipertanggungjawabkan dengan perkara-perkara baru. Perubahan-perubahan yang berlaku di dalam masyarakat secara langsung akan mempengaruhi perubahan di sekolah sekarang. Tekanan yang dialami guru sedikit sebanyak mempengaruhi prestasi profesion perguruan.

Kualiti pengajaran guru pada hari ini atau masa-masa yang akan datang jika dibandingkan dengan hari-hari yang lepas adalah tidak sama atau sukar untuk dipiawaikan. Kepuasan kerja dan faktor-faktor yang mengakibatkan tekanan boleh mempengaruhi kualiti pengajaran guru dan seterusnya mempengaruhi pula produktiviti, prestasi dan kecekapan guru.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini ialah untuk mengenalpasti tekanan kerja yang dialami oleh guru mata pelajaran elektif di Sekolah Menengah Teknik semasa mereka menjalankan tugas di sekolah.

### 1.4.1 Objektif Khusus Kajian

1. Mengenalpasti tahap tekanan kerja guru mata pelajaran elektif dari aspek aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik.
  2. Mengenalpasti hubungan antara faktor-faktor demografi dengan tekanan yang dihadapi oleh guru mata pelajaran elektif.
  3. Mengenalpasti tahap tekanan kerja guru dari aspek organisasi dan keadaan persekitaran fizikal di tempat kerja di sekolah.
- Di samping itu, pengkaji ingin mengenalpasti simpton yang di hadapi daripada tekanan yang dialami di kalangan guru matapelajaran elektif aliran teknik dan vokasional.

## RUJUKAN

- Abdul Wahid bin Nuruddin (1996). "Stres Pekerjaan di Kalangan Guru." Tesis Tidak Diterbitkan, UUM.
- Adilah Abdul Hamid (1986) (1986). "Tegangan Kerja : Kajian Kes Di Sebuah Organisasi." Tesis Sarjana Sains Kemasyarakatan : Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Blasé. J.J & Mathews. K. (1984). "How Principals Stress Teachers." The Canadian School Executive, 4: 8 – 11
- Brown, M.S., and Ralph, S. (1992). "Towards The Identification of Stress In Teachers." Research In Education, 48 : 103-110.
- Campbell, R.J. dan Neill, S.St. J (1990). "Teacher Time in Key Stage 1 : Thirteen Hundred and Thirty Days." London : Assistant Masters and Mistresses Association.
- Campion M.A (1991). "Meaning and Measurement of Turnover Comparison of Alternative Measures and Recommendations for Research." Journal of Applied Psychology, 76(2).
- Capel. S.A. (1987). "The Incidence of an Influences of Stress And Burnout in Secondary school Teachers." British Journal Education Psychology, 57 : 279-288
- Cendoline, A.J (1982). "Job Burnout in Public Education : Symtoms, Causes and Survival Skills. New York : Teachers College Press.
- Clark, L.H. dan Starr, I.S. (1970). "Secondary School Teaching Methods." Second Edition. London : Collier-Macmillan Limited.

- Cox, T. (1978). "Stress". Baltimore : University Park.
- Dunham, J. (1992). "Stress in Teaching." 2<sup>nd</sup> ed., London : Routledge.
- Edworthy, A. (1987). "Occupational Stress in Professional Groups." Ph.D Thesis Yorkshire : The British Library Document Center.
- Farber, B.A (1991). "Crisis in Education : Stress and Burnout in the American Teacher." San Francisco : Jossey – Bass.
- Fletcher, B. C and Payne, R.L (1982). "Levels of Reported Stresses and Strains Amongst School Teacher's." Some U.K Data, Educational Review. 34 : 267-278
- Fontana, D & Abouserie, R (1993). "Stress Levels, Gender & Personality Factors in Teachers. British Journal of Educational Psychology, 63 : 261-270.
- Frankenhaeuser. M. (1981). "Coping With Job Stress- A Pschibiological Approach." In Gardell, B & G Johansson, ed, Working Life.
- Gmelch, W.H (1982). " Beyond Stress to Effective Management." New York : John Wiley and Sons, Inc.
- Greenberg, S.F. (1984). "Stress in Teaching Profession." London : Paul Chapman.
- Hoy, W.K and Clover, S.H.I (1996). "Elementary School Climate : A Revision of the OCDG." Educational Administration Quarterly. 22 (1). Winter .
- Hussein Mahmood (1993), "Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah." Kuala Lumpur. Bewan Bahasa dan Pustaka.

- Issac, B.I & Michael, D.J (1982). "A Comparison of Empirical Differential Option Weighting Scoring Procedures As a Function of Inter-Item Correlation." *Educational and Psychological Measurement*, 37 (2) : 335-340.
- Iwannicki, E.F. (1983). "Toward Understanding and Alleviating Teacher Burnout." *Theory Into Practice*, 12 : 27-32.
- Kalsom Ahmad (1997). "Tekanan Kerja di Kalangan Guru Ekonomi Rumah Tangga." Thesis (M.Ed), UPM.
- Kyriacou, C. (1997). "teacher Stress and Burnout : An International Review." *Educational Research*, 29 (2) : 146-152.
- Kyriacou, C. dan Sutcliffe, J. (1978). "A Model of Teacher Stress." *Educational Studies*. 4 (1) : 1-6.
- Kyte, K.F. (1994). "Perceptions of Occupational Stress Among Public School Principals in Tennessee" ProQuest-Dissertation Abstracts .East Tennessee State University.
- Lee Kim Hong (1998). "Hubungan Antara Pengurusan Masa Dengan Tahap Ketegangan Kerja di Kalangan Pengetua dan Penolong Kanan Sekolah Menengah ." Thesis (M.Ed.) UPM.
- Lee, Wu-Zen. (1994). "Perceived Levels of Stress Among Teachers and Principals of Selected Elementary and Junior High Schools in Taiwan (China)." ProQuest-Dissertation Abstaracts. University of Southern Mississippi.
- Litt, M.D and Turk, D.C (1985). "Sources of Stress and Dissatisfaction in Experienced High School Teachers." *Journal of Educational Research*, 78.3 Jan-Feb, 178-185.

- Malach, C. & Jackson, S.E (1994). "Burnout in Organizational setting." In S. Oskamp (ed), Applied social psychology annual. Vol. 5 : Application in Organization Settings. Beverly Hills, CA : Sage.
- Marshall, J. and Cooper, C.L. (1979). "Executive Under Pressure : A Pscyholigical Study." New York : Preager Publishers.
- Matteson, M.T and Ivancevich, J.M (1989). " Controlling Work Stress : Effective Human Resource and Management Strategies." San Francisco : Jossey-Bass Publishers.
- Mithell T.R (1982). " People in Organization : An Introduction to Organizational Behaviour." Library of Congress Cataloging in Publication data.
- McCormick, J & Solman, R. (1992). "Teachers Attribution of Responsibility for Occupational Stress and Satisfaction : An Organizational Perspective." Educational Studies. 18(2) : 210-221.
- McLean, B. (1974). "Social Support and Teachers Burnout." Journal of Educational Administration, 30 (1). 55-69.
- Mobley, W.H & Locke, E.A (1970). "The Relationship of Value Importance to Satisfaction." Organizational Behaviour and Human Performance, 5 : 463-483.
- Mohd Majid Konting (1990). " Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Otto, R. (1986). "Teachers Under Stress." Melbourne : Hill of Content Publishing Company.

- Prick, Leo G.M (1989). Satisfaction and Stress Among Teachers." International Journal of Education Research, 13: 363-367.
- Robbins, S.P. (1993). "Organizational Behaviour : Concepts, Controversies and Application." Sixth Edition. New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Rohani Abdullah. (1984). "Tekanan Guru: Satu Kajian ke atas guru-guru yang mengajar KBSM." Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan. UKM.
- Ross, R.R & Altmaier, E.M (1994). " Intervention in Occupational Stress : A Handbook of Counselling for Stress." London. SAGE Publications Ltd.
- Sarina Mohd Yusof (1997). "Tekanan Kerja di Kalangan Pentadbir Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor." Thesis (M.Ed). UPM.
- Selye, H (1976) . "The Stress of Life." New York : McGraw Hill. Inc.
- Singer, G. (1980). "Work Environment Stress, Neuroendocrine Changes and Health." Sydney : Proceedings of Geigy Symposium.
- Stouffer, R.E. (1992). "Perceived Stress of Secondary Public School Administrators in Iowa(Secondary School)." ProQuest-Dissertation Abstracts. The University of Iowa.
- Sulaiman Ngah Razali (1991). "Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zaid Abd. Aziz (1998). "Stres Pekerjaan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Kuala Kangsar Perak." Thesis (M.Ed.) UPM.

**Akhbar :**

Utusan Malaysia, “600 Guru Sedang Mengalami ‘Tekanan Perasaan’ atau Masalah ‘Sakit Jiwa’ yang Serius”, 27 dan 28 Februari 1999.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH